



Headline	Sistem C4i diperbaharui		
MediaTitle	Harian Metro		
Date	17 Jul 2012	Color	Full Color
Section	Setempat	Circulation	324,097
Page No	29	Readership	1,981,000
Language	Malay	ArticleSize	166 cm ²
Journalist	N/A	AdValue	RM 6,107
Frequency	Daily	PR Value	RM 24,429



RASMI... Ismail (dua dari kiri) bertukar dokumen dengan Abdul Wahab pada Majlis Menandatangani Memorandum Persefahaman di Bukit Aman, semalam.

Sistem C4i diperbaharui

KUALA LUMPUR: Sistem Arahan dan Kawalan, Komunikasi dan Integrasi Komputer (C4i) yang diguna pakai Polis Diraja Malaysia (PDRM) sejak 2002 akan diperbaiki serta diperbaharui bagi memenuhi matlamatnya menjadi agensi penguat kuasa bertaraf dunia.

Bagi merealisasikan penambahbaikan itu, PDRM melantik agensi penyelidikan teknologi, Mimos Berhad (Mimos) sebagai perunding untuk membina landasan sistem baru berda-

sarkan sistem sedia ada.

Ketua Polis Negara, Tan Sri Ismail Omar berkata, pembabitan Mimos tepat pada masanya, terutama dalam konteks memantapkan sistem kepolisian bersepadu seperti dirangka melalui projek C4i serta inisiatif Bidang Keberhasilan Utama Negara (NKRA).

“Pelantikan Mimos sebagai perunding, selain jawatan kuasa pemandu atau ‘steering committee’ dan jawatankuasa kerja akan dibentuk yang diharap dapat bertindak secepat mungkin

mempertingkatkan dan memperluaskan sistem C4i ke seluruh negara,” katanya selepas Majlis Menandatangani Memorandum Persefahaman (MoU) di antara PDRM dan Mimos di Bukit Aman, semalam.

Sementara itu, Mimos yang diwakili Presiden dan Ketua Pegawai Eksekutifnya, Datuk Abdul Wahab Abdullah berkata, MoU itu akan menyaksikan kedua-dua pihak bekerjasama mempertingkatkan sistem ICT yang diguna PDRM ke tahap antarabangsa.